

Kerajaan beri jaminan bekalan beras cukup

Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban: Kerajaan memberi jaminan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat di negara ini meskipun berkemungkinan bakal menghadapi kekangan daripada negara pengeksport.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata persiapan intensif sudah dan sedang dilakukan bagi memastikan bekalan beras tidak terganggu.

"Kita sedar sebarang kemungkinan boleh berlaku pada masa hadapan terutama jika negara pengeksport beras seperti India dan Vietnam mengurangkan kadar eksport.

"Justeru, kita kena buat persiapan awal dan intensif untuk mencukupkan beras di negara ini dengan meningkatkan infrastruktur berkaitan tanaman padi serta penggunaan jentera yang lebih baik.

"Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan memainkan peranan proaktif dalam membantu kita memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Santai Peladang Zon Tengah di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob. Mengulas lanjut, Mohamad berkata bekalan beras dipengaruhi faktor cuaca yang tidak menentu.

"Keadaan cuaca ini turut berlaku di negara pengeksport beras dan boleh mempengaruhi kadar eksport.

"Sebab itu, kementerian sentiasa memberi perhatian serius dalam aspek pengeluaran beras ini.

"Langkah diambil termasuk memulakan usaha tanaman padi ala Sekinchan di Kedah, Terengganu dan Pahang selain memperkenalkan baja tambahan melalui Skim Baja Perintis di mana petani akan terus mendapat baja yang telah sedia ada untuk tingkatkan pengeluaran," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menggesa MARDI mencipta jentera pemotong padi yang lebih efisien supaya peratus padi cicir di sawah dapat diminimumkan.

Disiarkan pada: Julai 21, 2023 @ 8:43pm